



PEKELILING PEPERIKSAAN 5/253

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

KSCP, SIDANG AKADEMIK 2025/2026

- **Program Pengajian Ijazah Tinggi**
- **Program Pengajian Ijazah Pertama (Penuh Masa, Pendidikan Jarak Jauh & Program Pesisir)**
- **Program Diploma**

Peraturan yang perlu dipatuhi bagi rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah seperti berikut :-

1. Tempoh permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan bagi KSCP, Sidang Akademik 2025/2026 adalah seperti berikut:-

25 SEPTEMBER 2026 HINGGA 9 OKTOBER 2026

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN YANG DITERIMA SELEPAS TEMPOH DI ATAS TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

2. Peraturan penyemakan semula keputusan peperiksaan bukan bermaksud penilaian semula skrip jawapan. **Penyemakan semula akan melibatkan hanya pengesahan sama ada setiap jawapan di dalam skrip jawapan telah diberikan markah dan pengiraan markah adalah betul.**

3. Permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah dengan mengisi **“BORANG PERMOHONAN RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN”** (versi Bahasa Malaysia) yang boleh dimuat turun/diperolehi daripada laman sesawang <https://bpa.usm.my/>.
4. Borang permohonan yang telah dilengkapi hendaklah dilampirkan bersama dokumen berikut :-
 - (a) **Salinan penyata pembayaran ePayment**
Pembayaran sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) bagi setiap kertas peperiksaan yang disemak semula boleh dibuat melalui laman sesawang <https://epayment.usm.my>.
 - ATAU**
 - (b) **Salinan resit rasmi pembayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari USM**

“Wang akan dikembalikan: Bayaran semakan semula keputusan peperiksaan akan dikembalikan kepada pelajar **sekiranya berlaku perubahan gred”**.

Borang permohonan dan salinan resit pembayaran hendaklah dihantar kepada:-

- (a) **PELAJAR KAMPUS INDUK, PROGRAM PESISIR, PROGRAM JARAK JAUH, DAN PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH TINGGI**
 - Timbalan Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, Pulau Pinang.
(E-mel: exam@usm.my)
- (b) **PELAJAR KAMPUS KEJURUTERAAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN**
 - Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Sains Malaysia, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
(E-mel: bpa.eng@usm.my)
- (c) **PELAJAR KAMPUS KESIHATAN**
 - Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan
(E-mel: anizan@usm.my)

PEMBAYARAN MELALUI CEK TIDAK DITERIMA

5. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan (Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar) akan memaklumkan keputusan permohonan penyemakan sebaik sahaja pengesahan diterima daripada pusat pengajian/pusat yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AMRA BINTI OTHMAN)

Timbalan Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik

No. Rujukan : USM.(O) 25/1/xiii/c Jld.34

Tarikh Keluar : 25 September 2026

Tarikh Luput : 9 Oktober 2026

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Sahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

No. Telefon : 04 653 3479 E-Mel : amra@usm.my

Laman Sesawang : bpa.usm.my & pendaftar.usm.my